

Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Ogos-  
September 2009  
2 1/4 jam

1103/1

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PKPSM PULAU PINANG 2009**

---

**PERCUBAAN SPM 2009**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
  2. *Jawab soalan daripada Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B*
  3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*
- 

*Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak*


**Bahagian A**

[ 30 markah ]

[ Masa yang dicadangkan : 45 minit ]

*Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah berjimat cermat. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

**LANGKAH-LANGKAH BERJIMAT CERMAT**



**Bahagian B**

[ 100 markah ]

[ *Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit* ]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Lambakan rancangan realiti dalam media elektronik memberikan pelbagai kesan dalam kalangan remaja.

Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk bertukar pandangan tentang kesan-kesan rancangan tersebut.

- 2 Keharmonian keluarga melahirkan anak-anak yang berjaya dalam kehidupan.

Ulaskan pernyataan di atas

- 3 Rakyat Malaysia lebih suka menggunakan kenderaan sendiri berbanding kenderaan awam dalam urusan harian mereka. Keadaan ini menyebabkan masalah kesesakan tidak menemui jalan penyelesaiannya.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan awam.

- 4 Pertukaran pelajar antara negara merupakan salah satu program untuk memperkenalkan budaya sesebuah negara

Berikan komen anda tentang pernyataan tersebut.

- 5 Mata pelajaran Kesusastraan Melayu semakin terpinggir dalam arus pendidikan negara.

Nyatakan punca-punca berlakunya fenomena ini dan cara-cara mengatasinya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos-  
September 2009  
2 ½ jam

1103/2

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PKPSM PULAU PINANG 2009**

---

**PERCUBAAN SPM 2009**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

*Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak*

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan pemakanan makanan segera kepada kanak-kanak dan cara-cara mengatasinya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Iklan kepada kanak-kanak merupakan strategi pemasaran terbaik pengusaha makanan ringan dan makanan segera. Hal ini demikian kerana kanak-kanak mempunyai suatu kuasa yang dikenali sebagai *kuasa desakan*. Lantaran kuasa desakan inilah, ibu bapa membelikan apa-apa sahaja makanan ringan dan makanan segera yang diminta oleh anak mereka atas alasan mencurahkan kasih sayang. Untuk menambat hati kanak-kanak pula, pengeluar biasanya memberikan hadiah iringan ketika membeli makanan ringan atau makanan segera keluaran syarikat mereka. Pengeluaran produk terbaru makanan ringan dan makanan segera juga merupakan strategi yang berkesan mempengaruhi kanak-kanak dalam soal makan. Produk ini dipaparkan sebagai makanan yang paling enak sehingga menyebabkan kanak-kanak terliur. Kata-kata perangsang yang menarik ketika iklan makanan ringan dan makanan segera akan menggoda psikologi kanak-kanak. Propaganda yang berulang-ulang ini pasti membahukan hasil.

Terdapat begitu banyak kesan negatif kepada tubuh yang ditemui pakar kesihatan dalam produk makanan ringan dan makanan segera. Kesan yang mungkin sukar dipercayai ibu bapa adalah kemungkinan anak mereka menjadi agresif dan ganas. Diet yang kaya dengan gula, tetapi rendah vitamin dan galian menyebabkan ketidakseimbangan bahan kimia yang berbahaya. Makanan manis yang dimakan boleh menaikkan paras gula darah kanak-kanak, dan memberikan isyarat kepada tubuh untuk membebaskan insulin bagi mendapatkan semula keseimbangan. Namun, sering kali kadar itu naik terlalu tinggi sehingga menyebabkan paras gula darah naik mendadak, lantas menyebabkan kanak-kanak letih dan mudah meradang.

Kajian oleh *Pediatrics* pada 2003 yang mengikuti perkembangan kesihatan 1000 orang kanak-kanak perempuan dan lelaki sepanjang tempoh lapan tahun (berat kanak-kanak ditimbang setiap tahun), mendapati kanak-kanak yang gemuk lebih cenderung untuk enggan mematuhi arahan. Paling menakutkan menurut kajian yang sama makanan ringan atau makanan segera berpotensi melahirkan penjenayah dalam kalangan kanak-kanak. Selain tindakan agresif kanak-kanak, kesan sosial lain adalah perubahan gaya hidup kanak-kanak yang hilang nilai ketimuran. Imperialisme Barat tidak hanya menjajah tanah air, tetapi menjajah pemakanan kanak-kanak di Malaysia. Penjajahan budaya pemakanan ini menyebabkan kanak-kanak di negara ini memikirkan bahawa makanan segera dari Barat adalah lebih berkhasiat daripada makanan tempatan sedangkan makanan sebeginilah yang memudaratkan kesihatan.

Menurut kajian, snek yang menjadi makanan ringan kegemaran kanak-kanak mengandungi dua kali ganda garam, melebihi kadar yang selamat untuk orang dewasa. Kanak-kanak meninggung risiko kesihatan yang lebih besar kerana tubuh mereka lebih sukar menyingkirkan natrium berbanding dengan orang dewasa. Garam yang dimakan oleh kanak-kanak juga mampu menambahkan risiko kematian. Masyarakat perlu sedar bahawa kuasa beli terletak di tangan mereka. Peranan ibu bapa paling penting untuk memastikan pengaruh iklan dan pemasaran makanan ringan dan makanan segera dapat dibendung.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana 'Iklan Yang Membinasakan' Dewan Masyarakat, November 2008)

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- i) Berikan maksud rangkai kata kuasa desakan.  
[2 markah]
- ii) Apakah strategi yang digunakan oleh pengeluar untuk menarik minat kanak-kanak terhadap makanan segera?  
[3 markah]
- iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah caranya anda mengawal diri daripada pengaruh iklan?  
[4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

*Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**ROMBONGAN PERMAISURI:**

Cantik tuanku berseri-seri  
Bagai jelma si bidadari  
Tak tertara seluruh negeri  
Puji pula dagang dan santeri.

Bila dengar suara bermadah  
Lemak lunak begitu indah  
Berhenti burung telinga ditadah  
Teringat-ingat dendam tak Sudah.

*Bergerak balik ke tempat duduk masing-masing. Apabila Badut bercerita, pelakon-pelakon lain ad lib itu ini. Komen. Menyoal.*

**BADUT (RAJA)** : Esoknya hamba pun masuk belukar keluar belukar, masuk hutan keluar hutan, masuk rimba keluar rimba. Luka di tangan, luka di kaki, luka di muka sebab mengejar seekor rama-rama yang kecil tetapi paling cantik sekali. Hamba tak pernah temui seekor yang sebegitu indah. Tiba-tiba, hamba tergelincir, terus jatuh ke dalam telaga. Air di dalamnya sedang mendidih bergelegak. Ya Allah, pedihnya bukan kepala. Hilang malu, hamba menjerit-jerit. Tak tahu berapa lama hamba terapung di atas air yang sedang mendidih itu. Tiba-tiba rama-rama yang kecil tadi datang semula dan memerhatikan hamba yang berada dalam keadaan sebegitu daif sekali. Rama-rama itu pun terbang berlegaran sambil mengipas-ngipas hamba dan air yang panas itu dengan sayapnya yang kecil dan sebegitu cantik sekali. Ai! yang panas tadi mulai beransur sejuk, semakin sejuk. Akhirnya, air itu sebegitu nyaman dan selesa sekali. Hamba terdengar azan subuh. Janganlah bunuh rama-rama.

(Dipetik daripada  
'Jangan Bunuh Rama-rama'  
Oleh Noordin Hassan, dalam antologi Kerusi,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- Apakah peristiwa yang berlaku terhadap Badut (Raja) berdasarkan petikan drama di atas?  
[2 markah]
- Pada pendapat anda, apakah kesannya jika perbuatan membunuh haiwan tidak dibendung?  
[3 markah]
- Huraikan dua pengajaran yang terdapat dalam petikan drama dan dua pengajaran yang terdapat dalam keseluruhan drama.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Telah didengar oleh Paduka Seri Maharaja, maka titah baginda, "benarlah seperti kata kanak-kanak itu."

Maka baginda pun mengerahkan segala rakyat berkotakan rias. Maka todak pun datang, serta ia melompat lekat jungornya pada batang pisang itu, maka datang orang menetak dia. Maka tidak terkira-kira lagi banyaknya mati todak itu, bangkainya bertimbun-timbun di pantai. Maka tiada termakan lagi oleh manusia di dalam negeri Singapura. Maka todak itu pun tidak melompat lagi.

Pada suatu riwayat, daripada deras lompat todak itu, datang ke atas gajah, kena baju Seri Paduka Maharaja, carik lengannya maka dibuatkan orang nyanyi :

Carik baju raja,  
Dilompati todak;  
Bukan disahaja,  
Sebab akal budak,

Setelah itu maka Paduka Seri Maharaja pun kembali. Maka sembah orang besar-besar, "Tuanku, budak ini terlalu sekali besar akalnya. Sedang ia budak lagi demikian, jika la ia besar berapa lagi banyak akalnya? Baiklah ia kita bunuh."

Syahadan, maka budak itu pun disuruh bunuh oleh baginda, menjadi benar kepada hatinya. Adapun tatkala budak itu dibunuh, maka hak rasanya ditanggungkannya atas negeri Singapura.

(Dipetik daripada  
'Kezaliman Membawa Padah'  
dalam Antologi Kerusi,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Apakah maksud rangkai kata *lekat jungornya pada batang pisang itu* berdasarkan petikan tersebut ?  
[2 markah]
- ii) Mengapakah Seri Maharaja memberikan pandangan pada raja supaya budak itu dibunuh?  
[3 markah]
- iii) Pada pendapat anda, wajarkah raja menuruti pandangan Seri Maharaja ?  
[3 markah]

**Soalan 2(d) - Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**JALAN-JALAN RAYA KOTAKU**

Saban waktu sepanjang perjalanan  
Jalan-jalan raya kotaku  
Lewat senja begini  
Tika gerimis menabur benih  
Menerima kehadiran warga kota  
Lemas dalam kesabaran  
Lelah meresahkan  
Dangan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak  
Kesombongan merajai setiap ruang  
Semakin padat dengan emosi  
Kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan  
Budi luhur warga kotaku  
Tidak lagi berlaku  
Yang hadir adalah keserakahhan  
Memacu menghimpun kekuatan  
Menghakis sopan santun  
Seperti banjir kilat  
Melanda pinggir perjalanan  
Fitrah sang manusia  
Peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
Adalah gelanggang kebuasan  
Perlumbaan kebiadaban  
Para pesakit  
Kemanusiaan semakin mandul  
Pada penghujung musim.

**ZAM ISMAIL**

Antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- i) Apakah sikap negatif pengguna jalan raya?  
[3 markah]
- ii) Pada pendapat anda, mengapakah pengguna jalan raya rasa tertekan ketika memandu?  
[3 markah]
- iii) Huraikan tiga persoalan daripada sajak tersebut.  
[3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis dua ayat daripada setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya . Anda tidak boleh menambahkan imbuhan , menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i) alah
- ii) reda
- iii) perang

[6 markah]

- (b) Kenal pasti ayat-ayat di bawah dan nyatakan jenisnya.

- i) Lauk ikan sembilang masakan ibu sangat sedap.
- ii) "Antara pasukan Pulau Pinang dan Terengganu, manakah pilihan anda ?" tanya Zulfadhlil.
- iii) Wah, bergaiyanya awak hari ini , Aimari! Tentu ramai yang terpegun melihat awak, puji Qistina.
- iv) "Awak tak usahlah datang lagi ke rumah saya, nanti dimarahi abah saya," kata Azura kepada Hakim.
- v) Pokok ketapang itu terlalu tua.
- vi) "Tolong angkat tong sampah itu ke luar," pinta Cikgu Hasniza kepada Hafiz.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- i) Di samping menyediakan bantuan di peringkat antara bangsa persatuan sukarela ini tidak membelaikangkan masyarakat setempat.
- ii) Dalam tempuh beliau memegang jawatan tersebut, kedua-dua akhbar tulisan jawi itu diberi nafas baru.
- iii) Sejak akhir-akhir ini media masa kita sering membuatkan liputan tentang keselamatan sekolah yang agak longgar.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.
- Mulai hari ini, semua pelajar-pelajar dikehendaki menghabarkan diri pada waktu petang.
  - Buku yang dihasilkan oleh saya ini boleh dimanfaatkan untuk semua golongan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.
  - Perperangan dapat dibanteras jika semua pihak berusaha mencari jalan penyelesaian secara damai dengan memulihkan keamanan dunia.
- [6 markah]
- (e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat ini.
- Dalam majlis itu, Amirul terpandang seorang tetamu yang paras rupanya seiras sahabat lamanya lantas dia menegurnya untuk berkenalan.
  - Akhirnya, dia mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang setelah dia berusaha dengan gigih walaupun dia bukanlah dianggap sebagai seorang pelajar yang pintar.
  - Dahulu Farah tidak menghiraukan teguran dan nasihat yang diberikan tetapi setelah mengalami kegagalan, barulah dia menyedari kesilapannya.
- [6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj Yusof
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, nyatakan **dua nilai bijaksana yang terdapat dalam novel tersebut**.  
[7 markah]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, jelaskan satu watak sampingan yang terdapat dalam setiap novel.  
[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**